

26/08/2002

MIC mahu temui PM

SUNGAI SIPUT: Presiden MIC, Datuk Seri Samy Vellu akan berbincang dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menentukan sama ada parti itu wajar mendapat tambahan kerusi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) pada pilihan raya umum akan datang.

Pertemuan itu dijangka dibuat selepas Parlimen meluluskan cadangan persempadanan semula yang dikemukakan Suruhanjaya Pilihanraya (SPR), awal tahun depan.

"MIC mempunyai ramai calon berpendidikan tinggi seperti jurutera, peguam dan doktor yang boleh diketengahkan sebagai Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun)," katanya di sini, semalam.